

HASiL/2026/02/03 - 11

HASiL MENJUNJUNG KASIH DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERLIS MERASMIKAN PROGRAM SENTUHAN HASiL PRIHATIN 2026

Komitmen Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dalam menyantuni komuniti setempat diteruskan menerusi penganjuran **Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Sentuhan HASiL Prihatin 2026** yang berlangsung di Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis.

Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis yang disaksikan oleh YBr. Encik Shaharrudy bin Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) HASiL.

Program ini diserikan dengan kehadiran YBr. Tuan Haji Mohd Nazim bin Haji Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs); YBr. Encik Shahrul Niza bin Bishahrin, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat HASiL; YBr. Encik Mohd Affendi bin Ayub, Pengarah Negeri HASiL Perlis; barisan kepimpinan negeri Perlis, pegawai HASiL serta tetamu jemputan.

Menerusi kerjasama dengan MAIPs, program CSR ini turut dimeriahkan dengan aktiviti kayuhan basikal bersama Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku bagi menyantuni masyarakat asnaf setempat. Keberangkatan DYTM Tuanku menzahirkan keprihatinan Institusi Diraja terhadap kebajikan rakyat serta menyemarakkan semangat kebersamaan warga HASiL dan komuniti setempat. DYTM Tuanku turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada tiga buah rumah asnaf, manakala HASiL menyalurkan bantuan tunai dan barangan keperluan asas kepada keluarga terlibat.

Dalam titah ucapan DYTM Tuanku, baginda menyeru agar budaya memberi sama ada dalam bentuk bantuan, kepakaran, masa atau tenaga terus diperkasa bagi mengukuhkan jalinan kebajikan dalam masyarakat. Baginda turut berharap agar setiap syarikat, organisasi dan individu menunaikan tanggungjawab kepada negara, termasuk melalui pembayaran cukai, demi memastikan kesejahteraan rakyat jelata tanpa mengira bangsa dan budaya terus terjamin.

YBrs. Encik Shaharrudy bin Othman dalam ucapannya pula berkata, HASiL sentiasa berusaha melaksanakan amanah dalam menyantuni golongan masyarakat yang memerlukan. Menurut beliau, program yang dilaksanakan bersama MAIPs ini mencerminkan komitmen HASiL terhadap kebajikan rakyat selari dengan peranannya sebagai agensi pemungut cukai langsung negara.

Dalam program CSR ini, HASiL turut melaksanakan inisiatif mengecat semula serta mengindahkan persekitaran Rumah Penghulu Omar di Kampung Warna Warni sebagai usaha memulihara warisan kampung yang bernilai tinggi, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi tarikan pelancongan utama di negeri Perlis.

HASiL yakin bahawa penganjuran program seperti ini mampu memperkukuh jaringan sokongan sosial serta memupuk budaya prihatin dan empati dalam kalangan masyarakat sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk memastikan tiada golongan yang terpinggir.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 3 Februari 2026

LAMPIRAN



DYTM Raja Muda Perlis berkenan menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas kepada keluarga terlibat sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat.



Program CSR ini turut dimeriahkan dengan aktiviti kayuhan basikal bersama dengan DYTM Tuanku.



DYTM Tuanku merakamkan gambar kenang-kenangan bersama dengan barisan pengurusan kanan HASiL dan tetamu jemputan.